

Bandaraya cantik menjelang 2020 Kuala Lumpur berwajah baru

BH 1 JUN 1991

Oleh **NORAZMI ABDUL TALIB**
dan **WAN HAMIDI HAMID**

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membayangkan Kuala Lumpur akan menjadi bandar yang cantik, bersih dan mempunyai sistem pengangkutan yang baik apabila Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Selain itu, katanya, penduduk Kuala Lumpur juga akan mempunyai pendapatan baik serta sedar tanggungjawab mereka tidak akan mengotorkan ibukota dalam tempoh berkenaan.

"Kita akan mempunyai bandar sebuah negara maju, tetapi tidak mahu menjadi seperti negara maju lain dengan bandar mereka kotor," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Menurutnya, Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur ditubuhkan untuk mengambil tindakan segera dan mengurangkan pertindihan kuasa antara beberapa kementerian terbabit dan Dewan Bandar Kuala Lumpur (DBKL) bagi membangunkan Kuala Lumpur serta mengurangkan masalah.

Jawatankuasa khas itu dianggotai oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Kerja-

raya, Datuk Leo Moggie; Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Noor; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Encik Law Heing Ding; Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mesyuarat hari ini membincangkan empat masalah yang perlu diberi tumpuan.

"Masalah itu ialah perancangan bangunan kondominium serta gedung perniagaan; sistem pengangkutan, kesesakan lalulintas, sistem pembentungan serta perparitan; masalah setinggan dan pencemaran alam sekitar," katanya.

Beliau berkata, salah satu perkara yang dipersetujui oleh mesyuarat itu ialah menubuhkan jawatankuasa di peringkat pegawai dengan dianggotai oleh DBKL dan beberapa majlis daerah yang berdekatan supaya ada koordinasi urusan harian pembangunan Kuala Lumpur dan sekitarnya.

"Kita akan menyediakan satu peta besar untuk menunjukkan Kuala Lumpur dan sekitarnya, supaya kita memahami lebih mendalam mengenai kedudukan yang ada di Kuala Lumpur seperti bangunan tinggi yang didirikan, jalan yang dilalui bas, rancangan keretapi laju rin-

gan, pembentungan, perparitan dan banjir," katanya.

Menurutnya, peta besar yang akan disiapkan dalam tempoh dua bulan itu akan digunakan sebagai kemudahan melihat sekitar Kuala Lumpur dan memahami masalah serta cara mengatasinya.

Mengenai setinggan, Perdana Menteri berkata, ia adalah masalah biasa tetapi menimbulkan masalah kepada pihak lain dan penduduk terbabit dengan ada kegiatan tidak sehat seperti menjual rumah.

Menyentuh pencemaran alam sekitar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tiga sebab utama dikenal pasti iaitu bilangan kenderaan bertambah banyak memasuki bandaraya yang menggunakan minyak mengeluarkan plumbum; wujud kilang, terutama kilang kayu mengeluarkan asap dan masalah sampah dibakar atau terbakar.

"Cadangan mewujudkan kawasan terhad untuk kenderaan memasuki sesuatu kawasan turut dibincangkan dalam mesyuarat itu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Kabinet itu boleh menyelesaikan masalah dihadapi oleh Kuala Lumpur tetapi memerlukan wang.

Katanya, sesuatu yang hendak dilaksanakan memerlukan wang, seperti projek pembentungan memerlukan perbelanjaan lebih \$1 bilion.